

24/03/1998

Rombakan Exco belum diputuskan

Rahman Hashim

MELAKA, Isnin - Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, belum memutuskan untuk membuat rombakan terhadap kedudukan beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) negeri yang tewas dalam mesyuarat perwakilan Umno bahagian.

Menurut Abu Zahar, beliau akan mendapatkan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terlebih dahulu sebelum membuat keputusan itu.

Abu Zahar berkata, beliau dijangka mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir pada minggu depan atau awal April.

"Setakat ini, semua Exco yang ada akan dikekalkan dan tindakan selanjutnya akan berdasarkan pertemuan saya dengan Dr Mahathir nanti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat latihan dan penyampaian sijil kursus perhotelan Renaissance Melaka di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai kekalahan dua timbalan Ketua Umno bahagian dan seorang Ketua bahagian yang menganggotai Exco, dalam persidangan perwakilan bahagian masing-masing yang berakhir semalam.

Mereka ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Yasin Sarip; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Noordin Yaani; dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus.

Yasin dan Noordin gagal mempertahankan jawatan masing-masing sebagai Timbalan Ketua Umno bahagian Batu Berendam dan Alor Gajah selepas dikalahkan oleh naib ketua mereka.

Yasin tewas kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Datuk Mo'min Abdul Aziz manakala Noordin pula dikalahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Ibrahim Durum.

Mohd Shariff pula tewas kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rembia, Datuk Hamdin Abdollah dalam merebut jawatan Ketua Umno bahagian Selandar selepas penyandanginya sebelum ini, Datuk Sahar Arpan, digantung keahliannya dalam parti selepas menghadapi tiga tuduhan rasuah.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan semua calon yang bertanding supaya melupakan perbezaan pendapat sesama mereka, sebaliknya bersatu kembali untuk perpaduan parti.

"Yang menang tidak semestinya menang semua dan yang kalah pula, tidak kalah semua.

"Oleh itu, saya ingin menasihatkan pihak yang menang supaya tidak berasa bangga diri dan yang kalah pula tidak berasa jauh hati," katanya.

Abu Zahar berkata, kemenangan seseorang itu dalam parti tidak membawa sebarang makna jika Barisan Nasional tidak dapat mengekalkan kecemerlangannya dalam pilihan raya akan datang.

(END)